

**TEKS UCAPAN  
Y.B. DATO' SHAZIMAN BIN HJ. ABU MANSOR  
MENTERI KERJA RAYA**

**PADA**

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN  
PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA  
SEMPENA AIDILFITRI 2011**

**LEBUHRAYA KORIDOR GUTHRIE  
18 OGOS 2011**

Terima kasih saudara pengacara majlis

Y.Bhg. Datuk Thomas George  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Y.Bhg. Dato' Ir. Hj. Mohd Noor b. Yaacob  
Ketua Pengarah Kerja Raya

Y.Bhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Bin Abd Karim  
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia  
(CIDB)

Y.Bhg. Dato' Ir. Haji Ismail Bin Md. Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia

Y.Bhg Senior Assistant Commisioner (SAC) II Dato' Abdul Aziz Yusof  
Ketua Pasukan Trafik Polis Di Raja Malaysia

Y. Berusaha Prof. Madya Wong Shaw Voon  
Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Kemalangan Jalan Raya (MIROS)  
Y. Berusaha Ir. Zainuddin b. A. Kadir

Ketua Pegawai Eksekutif

Kumpulan Prolintas

Dif - dif kehormat

Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Kerajaan, Pengarah-Pengarah Urusan serta Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Konsesi Lebuhraya dan wakil-wakil media massa.

Y.Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum WBT dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT yang telah mengurniakan segala rahmat-Nya di bulan yang penuh berkat ini bagi kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Peringkat Kementerian Kerja Raya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2011. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada jawatankuasa pengajur serta kerjasama dan sokongan padu semua pihak yang terlibat terutamanya Polis Di Raja Malaysia, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan MIROS. Tidak terkecuali ucapan penghargaan juga kepada semua syarikat konsesi lebuh raya yang telah memberikan sepenuh komitmen untuk menjayakan kempen ini.

Hadirin yang dihormati

2. Kempen ini merupakan satu usaha berterusan Kerajaan dalam memberi kesedaran kepada semua pengguna jalan raya di Malaysia tentang betapa pentingnya aspek keselamatan di jalan raya. Saban tahun setiap kali menjelangnya musim perayaan, tidak kiralah sama ada Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali mahupun Krismas, berita-berita utama akhbar tidak lekang dari memaparkan berita mengenai kemalangan jalan raya. Kepulangan warga kota ke kampung halaman yang sepatutnya di sambut meriah oleh ahli keluarga dan sahabat handai telah bertukar menjadi satu tragedi. Oleh itu, adalah wajar kempen keselamatan seperti ini terus dipergiatkan dan diperhebatkan agar jumlah kemalangan jalan raya di negara ini dapat dikurangkan memandangkan kepadatan trafik akan meningkat 2 kali ganda semasa musim perayaan.

3. Jika kita melihat kepada statistik PDRM mengenai kemalangan yang direkodkan semasa Ops Sikap pada musim perayaan Aidilfitri 2010, sebanyak 248 kematian telah dicatatkan berbanding 265 kematian pada tahun 2009. Pengurangan bilangan kematian sebanyak 6.4 peratus ini adalah satu petunjuk yang positif walaupun jumlah kemalangan secara keseluruhannya masih tinggi. Ini membuktikan bahawa kempen keselamatan jalan raya pada musim perayaan dan usaha Kerajaan serta NGO bagi menangani masalah ini telah memberikan impak yang positif.

Hadirin yang dihormati,

4. Bagi meneruskan usaha ini, Kementerian Kerja Raya sentiasa menjadikan aspek keselamatan sebagai paksi utama dalam pembangunan dan penyelenggaraan rangkaian jalan dan lebuh raya di

seluruh negara. Malah pelbagai peralatan serta aplikasi hasil inovasi terkini telah digunakan dalam usaha untuk mencegah dan seterusnya mengurangkan risiko berlakunya kemalangan. Pelaksanaan langkah penambahbaikan di lokasi-lokasi kerap berlaku kemalangan atau lebih dikenali sebagai lokasi blackspot juga dibuat secara komited oleh Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia yang mana iaanya dipantau secara khusus dan dijadikan sebagai salah satu daripada elemen KPI Kementerian Kerja Raya. Untuk makluman hadirin, pada tahun 2010, sebanyak RM15.66 juta telah diperuntukan untuk *rehabilitative work* di 37 lokasi blackspot di Jalan Persekutuan dan RM8.1 juta di 10 lokasi blackspot di lebuh raya.

5. Suka saya maklumkan, berdasarkan daripada rekod dan pemantauan LLM, *rehabilitative work* yang dibuat di lebuh raya telah berjaya mengurangkan kadar kemalangan daripada 112 kemalangan untuk tempoh Januari hingga Jun tahun 2009 kepada 24 kemalangan untuk tempoh yang sama pada tahun 2011. Kebanyakan kemalangan yang berlaku adalah atas faktor kecuaian pengguna lebuh raya dan bukan berpunca daripada faktor keadaan lebuh raya. Pengurangan sebanyak 78.6 peratus ini merupakan satu kejayaan yang cukup signifikan hasil kerjasama bersepadu semua pihak yang terlibat khususnya Lembaga Lebuhraya Malaysia dan semua syarikat konsesi lebuh raya tol. Manakala bagi *rehabilitative work* yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya, 37 lokasi blackspot yang dibaikpulih pada tahun 2010 telah mencatatkan 0% atau tiada kemalangan langsung sehingga bulan Jun 2011 berbanding 395 kemalangan yang berlaku sepanjang tahun 2009.

6. Selain itu, usaha untuk menambahbaik dan mempertingkatkan tahap keselamatan di lebuh raya terus dilaksanakan secara berterusan melalui pemasangan struktur penting pencegahan kemalangan, iaitu pemasangan dan penggantian *guard rails*, *rolling barriers*, *bridge railings* serta lain-lain perabot jalan yang dapat meningkatkan ciri-ciri keselamatan di lebuh raya. Kementerian Kerja Raya juga telah memperkenalkan penggunaan lampu LED di beberapa buah laluan Jalan Persekutuan dan lebuh raya. Lampu LED yang lebih cerah dan mesra alam ini dapat membantu meningkatkan tahap pencahayaan yang sekaligus mengurangkan risiko kemalangan pada waktu malam dan semasa cuaca gelap. Penggunaan teknologi dan inovasi terkini ini adalah selaras dengan tema kempen pada hari ini iaitu “Inovasi Ke Arah Meningkatkan Keselamatan Dan Mengurangkan Kemalangan”.

Hadirin yang dihormati,

7. Dalam pada masa yang sama, saya amat yakin bahawa kempen-kempen keselamatan yang dilaksanakan oleh pihak PDRM, JKJR dan syarikat-syarikat swasta juga telah memberi penekanan bukan sahaja kepada golongan dewasa, malah turut dipupuk kepada generasi muda. Contoh program-program keselamatan adalah program “Rancang Awal-Awal”, program “Driving is a No Phone Zone” yang memberi kesedaran supaya tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu, Pertandingan Mural Sekolah mengenai keselamatan jalan raya yang dijalankan MUFORS, dan tidak terkecuali kempen pemanduan berhemah melalui media elektronik.

8. Penekanan harus diberikan kepada generasi muda memandangkan generasi ini berpotensi menjadi agen perubahan

dalam usaha menyemai kesedaran tentang kepentingan aspek keselamatan di jalan raya. Kempen yang turut mendapat sokongan dan kerjasama dari NGO dan syarikat media elektronik dan cetak ini merupakan satu usaha yang murni dan amat dialu-alukan oleh Kerajaan.

9. Walau bagaimanapun, saya percaya pokok pangkal permasalahan ini sebenarnya datang dari kita sendiri. Kita semua selaku pengguna jalan raya perlu sentiasa mengutamakan isu-isu keselamatan dari segi cara pemanduan, keadaan mekanikal dan fizikal kenderaan dan komited untuk mengelakkan kesalahan serius seperti memandu melebihi had laju. Di samping itu, Kerajaan juga sentiasa menggalakkan rakyat Malaysia agar menggunakan pengangkutan awam seperti bas ekspres dan keretapi untuk pulang ke kampung halaman semasa cuti Hari Raya Aidilfitri ini. Secara tidak langung, ianya dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas khususnya di lebuh raya – lebuh raya utama.

Hadirin yang dihormati,

10. Bagi memastikan aliran trafik lancar dan keselamatan pengguna terjamin pada musim perayaan ini, saya juga telah mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Jabatan Kerja Raya supaya semua kerja-kerja pembinaan di jalan dan lebuh raya dihentikan buat sementara waktu. Antara langkah-langkah yang akan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konsesi di lebuh raya termasuklah:

- Semua syarikat konsesi lebuh raya digesa untuk memastikan pasukan peronda lebuh raya membuat rondaan dengan lebih

kerap untuk tempoh 24 jam sehari bagi menghadapi sebarang kemungkinan kes kemalangan atau insiden lain. *Respons Time* oleh pasukan peronda perlu lebih cepat dan efektif apabila berlakunya sebarang kes kemalangan atau hal luar jangka;

- memastikan operasi di plaza tol berjalan lancar dengan membuka semua lorong serta pembukaan lorong transaksi tambahan dan kutipan tol secara berlapis atau *Multi Transactional Lane – MTL*;
- Penempatan anggota RELA dan Polis bagi kawalan lalulintas di plaza tol serta Kawasan Rehat & Rawat;
- Penyediaan perkhidmatan kren dan kembalik (tow truck) juga akan disediakan di lokasi-lokasi strategik bagi mempercepatkan proses pemindahan kenderaan yang terlibat dalam insiden kemalangan serta kenderaan yang mengalami kerosakkan;
- memaparkan situasi trafik semasa di *Variable Message System (VMS)* untuk paparan pengguna;

11. Langkah-langkah ini perlu diambil kerana aliran trafik dijangka akan meningkat dua kali ganda di lebuh raya sempena musim balik kampung kelak. Oleh itu saya menyarankan agar pengguna lebuh raya sentiasa mendapatkan maklumat trafik terkini daripada Pusat Pengurusan Trafik (TMC) Lembaga Lebuhraya Malaysia yang beroperasi 24 jam sehari untuk merancang perjalanan. Maklumat mengenai pergerakan trafik di semua kawasan perlu disampaikan

kepada pengguna bagi membolehkan mereka membuat pilihan untuk menggunakan laluan alternatif.

Hadirin yang saya hormati,

12. Sebagai menghargai sokongan kepada pengguna-pengguna lebuhraya, syarikat-syarikat konsesi sekali lagi telah bersetuju untuk menawarkan diskaun kepada semua pengguna. Alhamdulillah sempena dengan musim perayaan Aidilfitri tahun ini, sebanyak **22** buah syarikat konsesi lebuhraya telah bersetuju untuk memberikan insentif kepada pengguna dalam bentuk pengecualian dan diskaun kadar tol.

13. Kerajaan sememangnya menyambut baik langkah-langkah murni syarikat-syarikat konsesi yang telah turut membantu meringankan beban rakyat khususnya pengguna lebuhraya. Sebagai contoh, pengguna Lebuhraya PLUS akan mendapat diskaun sehingga 20 peratus mengikut masa yang ditetapkan untuk pengguna yang menggunakan kad “Touch N Go” sementara pengguna Lebuhraya Damansara Puchong (LDP) tidak akan dikenakan apa-apa bayaran pada hari Hari Kemerdekaan bermula jam 12 tengah malam 31 Ogos 2011 sehingga 11.59 tengah hari. Baru-baru ini juga, Lebuhraya LATAR yang dibuka pada 23 Jun lalu telah turut bersetuju dengan saranan saya untuk memanjangkan tempoh laluan percuma tanpa tol sehingga 31 Ogos 2011 walaupun kebiasaan apabila sebuah lebuhraya baru dibuka, pengguna dibenarkan menggunakan secara percuma selama sebulan.

14. Pemberian diskaun ini semestinya merupakan berita gembira kepada semua pihak sempena sambutan Aidilfitri 2011 dan Hari

Kebangsaan ke-54. Inilah komitmen sosial syarikat konsesi kepada pengguna-pengguna lebuh raya semasa musim perayaan ini. Ini juga selaras dengan NKRA baru ketujuh seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan lepas iaitu usaha untuk memerangi kos kehidupan yang kian meningkat.

15. Justeru, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua syarikat konsesi lebuh raya atas kesediaan mengadakan insentif ini sebagai memenuhi obligasi tanggungjawab korporat syarikat kepada pengguna lebuh raya. Saya berharap agar pendekatan pemberian insentif ini diteruskan pada musim-musim perayaan yang akan datang. Saya juga berharap melalui insentif ini, rakyat Malaysia akan terus menyemarakkan lagi semangat dan integrasi 1Malaysia dengan saling kunjung mengunjungi antara satu sama lain.

Hadirin yang saya hormati,

16. Sukacita juga saya umumkan, bermula pada 22 Ogos 2011 ini, sebahagian daripada jajaran Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 akan dibuka. Sebanyak 3 laluan yang akan dibuka iaitu bermula dari Persimpangan Bertingkat Bukit Besi ke Persimpangan Bertingkat Ajil sepanjang 42.4 km. Pembukaan laluan ini memberi kemudahan kepada pengguna dari arah Dungun dan Kuantan untuk ke Ajil dan Kuala Berang tanpa menggunakan Jalan Persekutuan 14. Di samping dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di laluan berkenaan, masa perjalanan juga dapat dipendekkan dari 40 minit ke 25 minit sahaja.

17. Bagi mereka yang ingin ke Kota Bharu, pengguna dari Persimpangan Bertingkat Ajil boleh meneruskan perjalanan melalui Jalan Ajil – Kuala Berang (T106) dan masuk ke Jalan Besar (T11) yang menghubungkan semula Jalan Persekutuan 3 melalui Sungai Tong menghala ke utara Pantai Timur.

18. Selain itu, laluan baru yang dikenali sebagai Bukit Payung Spur Road sepanjang 16.3 km dan jajaran dari Persimpangan Bertingkat Telemung ke Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu sepanjang 9.2 km juga akan turut dibuka. Laluan ini akan dapat bertindak sebagai jalan lingkaran luar kepada Pusat Bandaraya Kuala Terengganu. Pengguna dari arah selatan Jalan Persekutuan 3 boleh menggunakan laluan tersebut untuk ke arah utara Pantai Timur tanpa perlu melalui Pusat Bandaraya Kuala Terengganu.

Hadirin yang saya hormati,

19. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada pihak pengajur dan semua pihak yang terlibat kerana mengambil inisiatif mengadakan kempen ini dan saya berharap kempen sebegini akan berterusan dari masa ke semasa. Dengan adanya kempen sebegini diharap dapat menyedarkan orang ramai supaya lebih berhati-hati ketika memandu. Kita tidak mahu jalan raya menjadi pembunuhan utama di negara kita. Oleh itu marilah kita semua sebagai pengguna jalan raya yang bertanggungjawab menanamkan sikap sentiasa mengutamakan keselamatan sepanjang masa agar sampai ke destinasi dengan selamat. Amalkanlah sikap Cermat, Adab, Rasional dan Beretika semasa memandu dan sentiasa mematuhi peraturan jalanraya.

20. Dengan lafaz “Bismillah hirrahma nirrahim” saya dengan ini merasmikan Kempen Keselamatan Peringkat Kementerian Kerja Raya Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2011
21. Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Kebangsaan ke-54. Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.